

UPSI Komited Bina Graduan Masa Depan Menerusi Inovasi dan TVET

Tanjong Malim, 20 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini melakar sejarah apabila berjaya menganjurkan tiga program utama secara serentak, sekali gus memperkukuh kedudukannya sebagai institusi peneraju dalam transformasi pendidikan tinggi negara. Program yang berlangsung selama beberapa hari itu merangkumi 'International Education Innovation Competition' (Edu@Innovate 2025), Festival TVET, dan Seminar Kebangsaan Hala Tuju Program Akademik 2025 (SEPAKAD'25), dengan turut disertakan Mini Festival Idea Putrajaya (PFOI) @ Perak 2025.

Majlis penutupan program disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian. Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata penganjuran serentak program tersebut merupakan manifestasi komitmen universiti dalam menyokong aspirasi kerajaan untuk memacu inovasi, memperkukuh pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), serta menstruktur semula program akademik selaras keperluan semasa.

"Gabungan tiga program utama ini memperlihatkan pendekatan menyeluruh UPSI dalam mentransformasi pendidikan melalui inovasi, pembangunan kemahiran teknikal serta evolusi akademik yang lebih holistik dan terbuka. "Edu@Innovate 2025 telah menghimpunkan lebih 300 peserta dari dalam dan luar negara termasuk Turki, Filipina, Indonesia, Korea, China dan Uzbekistan. Sebanyak 30 agensi dan industri turut serta dalam pameran inovasi yang berlangsung. Dalam pada itu, majlis tersebut menyaksikan penyerahan dokumen kolaborasi antara UPSI dan 12 agensi serta industri, membabitkan komitmen bernilai RM10 juta dalam bentuk tunai dan sumbangan barangan.

"Kolaborasi strategik ini adalah cerminan kejayaan besar UPSI dalam membina hubungan sinergistik dengan industri, sekali gus mengukuhkan keupayaan kami dalam melahirkan graduan yang relevan dan bersedia menghadapi cabaran pasaran kerja.

Mini PFOI yang dianjurkan bersempena program tersebut merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memperluas jenama Putrajaya sebagai 'Bandar Idea'.

Menurut beliau, UPSI merupakan institusi pertama menganjurkannya di luar Putrajaya dengan sokongan Yayasan Perak, Institut Darul Ridzuan, UiTM Seri Iskandar dan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Mengulas mengenai Festival TVET, beliau berkata program itu memperlihatkan potensi besar pendidikan vokasional dalam membentuk tenaga kerja masa depan yang bukan sahaja mahir secara teknikal tetapi juga memiliki nilai-nilai insaniah dan budaya.

"TVET bukan lagi laluan alternatif, tetapi pilihan strategik negara. Kami percaya bahawa integrasi nilai, keusahawanan dan teknologi baharu dalam program TVET akan memperkasa generasi akan datang," katanya. Bagi Seminar SEPAKAD'25, perbincangan tertumpu kepada transformasi dan kelestarian program akademik, khususnya dalam menghadapi cabaran Generasi Alfa dan keperluan kepada program yang lebih fleksibel.

"Kita perlu berani menstruktur semula penawaran akademik agar lebih responsif terhadap kehendak masa depan, tanpa meninggalkan jati diri dan nilai pendidikan," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli dilantik Sebagai Penasihat Pakar di Bukhara State Technical University

Uzbekistan, 22 Mei - Ketua Pusat Pendidikan Teknologi Hijau UPSI (EduGreen@UPSI), Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli, telah menerima pengiktirafan antarabangsa apabila dilantik sebagai Penasihat Pakar di Bukhara State Technical University (BSTU), dengan pengesyoran rasmi daripada Agensi Pembangunan Inovatif, Kementerian Pengajian Tinggi Uzbekistan.

Pelantikan ini dibuat selari dengan kepakaran dan sumbangan beliau bersama ahli penyelidik bersama EduGreen@UPSI dalam bidang Internet of Things (IoT) dan Kecerdasan Buatan (AI) untuk Teknologi Hijau, termasuk inovasi mesin kompos pintar, pendidikan alam sekitar, penubuhan Pusat

Pendidikan Hijau di kediaman pelajar dan pusat komuniti, seterusnya inovasi AI dalam pemuliharaan hidupan liar.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif peralihan ke arah Universiti Hijau, BSTU telah dipilih sebagai model universiti hijau yang komprehensif di Uzbekistan. Sepanjang lawatan kerja beliau dari 9 hingga 22 Mei 2025 bagi melaksanakan pelantikan sebagai Profesor Adjung di Bukhara State Technical University untuk tempoh dua tahun, Prof. Dr. Che Zalina telah memainkan peranan penting dengan memberikan panduan strategik yang selaras dengan keperluan dan kemudahan sedia ada di universiti tersebut.

168 warga UPSI terima APC 2024

Tanjong Malim, 21 Mei - Seramai 168 warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 pada satu majlis baru-baru ini, bagi menghargai kecemerlangan perkhidmatan mereka sepanjang tahun. Daripada jumlah itu, 107 penerima merupakan staf pentadbiran, manakala 61 lagi terdiri daripada warga akademik.

Naib Canselor UPSI Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pengiktirafan tersebut adalah tanda penghargaan universiti terhadap sumbangan dan dedikasi tinggi yang ditunjukkan oleh staf dalam pelbagai bidang. "Anugerah ini merupakan satu usaha UPSI bagi mengetengahkan pencapaian staf ke peringkat kebangsaan seperti Anugerah Kesatuan Pentadbir dan sebagainya," ujarnya. Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis APC 2024 di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah UPS. Selain APC,

sebanyak tujuh staf bukan akademik turut menerima Anugerah Kecemerlangan Staf (AKS) 2024, iaitu satu bentuk pengiktirafan khusus yang diperkenalkan sejak 2014 untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam kalangan staf pentadbiran. Bagi warga akademik pula, UPSI kini membuka pencalonan untuk Anugerah Akademia Bitara (AKIRA) yang melibatkan 63 anugerah dalam tiga kategori, dengan nilai insentif keseluruhan sebanyak RM147,000.

Menurut Md Amin, semua anugerah anjuran universiti itu dinilai secara teliti mengikut keunikan, ketetapan dan kepentingan masing-masing, justeru ia amat dihargai oleh para penerima. "Saya berharap pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk terus mengekalkan momentum dan meningkatkan prestasi kerja. "Kepada rakan staf yang lain, jadikan ini sebagai inspirasi untuk terus mengejar kecemerlangan," katanya lagi.



Projek Pemindahan Ilmu (KTP) – Transformasi Amalan Tadbir Urus Kewangan dalam Kalangan Pengusaha Sektor Pelancongan Bumiputera bagi Meningkatkan Potensi Penjana Pendapatan Firma di Perak

Kajian ini menilai transformasi tadbir urus kewangan pengusaha pelancongan Bumiputera di Perak (Ethno Valley Resorts dan Larut Hillview Kabin) melalui pendidikan kewangan, pengurusan tunai dan peningkatan literasi kewangan. Ia bertujuan memperkukuh daya saing firma serta menyokong dasar kewangan inklusif seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri secara mampan.

Ilmu yang Berjaya dipindahkan: Ilmu pengurusan kewangan berkesan Ilmu melaksanakan strategi perancangan kewangan menggunakan perisian Microsoft Excel Ilmu menganalisis penyata kewangan berkesan meningkatkan potensi penjana pendapatan firma melalui tadbir urus kewangan yang cekap

Hasil Akhir kepada Industri: Program ini meningkatkan kesedaran, kemahiran perancangan kewangan berasaskan

teknologi serta sahsiah peserta dalam aspek tadbir urus kewangan sekali gus menyokong pertumbuhan pendapatan firma pelancongan Bumiputera.

Hasil Akhir kepada Pembangunan Insan:

Pelajar mendapat pendedahan baharu, meningkatkan kemahiran insaniah dan kebolehpasaran sekali gus mengurangkan pengangguran. Penyelidik pula berpeluang berkongsi ilmu dan kepakaran mereka dengan komuniti, memperkukuh hubungan antara universiti dan masyarakat.

Pulangan Akhir kepada UA: Program ini melibatkan pensyarah sebagai pendidik yang

berkongsi ilmu, membina kerjasama dengan komuniti serta mempromosi kepakaran UPSI kepada masyarakat setempat secara berkesan dan berimpak.

Isu/ Cabaran Projek: Program menghadapi cabaran mendapatkan persetujuan dan menetapkan tarikh pelaksanaan kerana rakan komuniti terlibat dengan Tahun Melawat Perak, selain berdepan pihak luar yang cuba mengambil kesempatan atas kesulitan yang dialami oleh para perunding.

Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama: Dr. Zuriadah binti Ismail – FPE (Ketua) Dr. Nurhanie binti Mahjom - FPE En. Mohamad Ali Roshidi bin Ahmad - FPE Dr. Anis Suriati binti Ahmad – FPE



Hari terakhir Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar bin Haji Opir, Mufti Negeri Selangor, Sebagai Pensyarah di UPSI



Seminar Kebangsaan Hala Tuju Program Akademik 2025



Geoenviro Perkasa Kelestarian Alam: Pergeo GEOHUNT: Kembara Alam Geografi



UPSI Anjur IVP 2.0 Perkasa Semangat Sukarelawan dan Pertukaran Budaya